



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : TEKNOLOGI BINAAN 2
KOD KURSUS : DSB1083
PEPERIKSAAN : APRIL 2018
MASA : 2 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Anda dikehendaki mula menjawab setiap jawapan di muka surat baru. Lakarkan gambarajah jika perlu bagi membantu jawapan anda.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU





KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN





BAHAGIAN A



Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Buku Jawapan.

Labelkan setiap rajah dengan jawapan yang tepat.

Rajah	Nama Kepala Tembok
	<p>a.</p>
	<p>b.</p>
	<p>c.</p>
	<p>d.</p>

Rajah	Nama Jenis Tangga
	e.
	f.
	g.
	h.

Rajah	Nama Ibu Tangga
	<p>i.</p>
	<p>j.</p>

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA BELAS (15)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Buku Jawapan.

1. Berikan definisi lantai.
(3 markah)

2. Nyatakan **tiga (3)** ciri-ciri lantai yang perlu dipertimbangkan dalam pembinaan.
(3 markah)

3. Puan Wani Hasrita memiliki sebuah rumah teres dua tingkat yang sedang dalam pembinaan. Beliau belum lagi membuat keputusan untuk kemas lantai. Cadangkan kemas lantai yang sesuai untuk setiap ruang berikut:
 - a. Bilik tidur
 - b. Ruang tamu
 - c. Dapur(6 markah)

4. Berikan definisi dinding.
(3 markah)

5. Senaraikan antara **dua (2)** jenis pokok kayu yang biasa digunakan dalam pembinaan dinding atau tembok.
(4 markah)

6. Nyatakan antara **empat (4)** ciri-ciri penutup dinding dalam pembinaan rumah kayu.
(4 markah)

7. Lakarkan antara **dua (2)** penutup dinding dalam pembinaan rumah kayu.
(4 markah)

8. Senaraikan antara **tiga (3)** jenis logam yang digunakan dalam pembinaan dinding.

(3 markah)

9. Bumbung sesebuah bangunan yang dibina perlu mengikut keselesaan penghuni. Nyatakan antara **tiga (3)** perkara yang merangkumi ciri-ciri keselesaan bumbung.

(3 markah)



Rajah 1

10. **Rajah 1** menunjukkan burung-burung yang bertenggek di bahagian penutup bumbung. Keadaan ini akan menyebabkan kesan kotor pada bumbung, dinding dan lantai. Cadangkan cara untuk mengelakkan keadaan ini berlaku. Lakar dan labelkan.

(3 markah)

11. Senaraikan **tiga (3)** bahan yang sesuai digunakan untuk pembuatan siling.

(3 markah)

12. Lakarkan kaedah pemasangan dawai penggantung dan bar-T untuk siling gantung.

(4 markah)

13. Terangkan keperluan pelantar dalam pembinaan tangga.

(3 markah)

14. Namakan tangga yang tidak memerlukan pelantar.

(2 markah)


15. Berapakah darjah kecuraman tangga untuk pembinaan yang selamat?

(2 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Rajah 2

Soalan daripada **Rajah 2**.

- a. Namakan tembok penahan A dan B.

(2 markah)

- b. Terangkan antara **dua (2)** perbezaan tembok-tembok ini. Tunjukkan lakaran bagi kenyataan yang diberi.

(4 markah)

- c. Lakarkan antara **dua (2)** tembok penahan selain di atas.

(4 markah)


SOALAN 2

En. Hael Husaini ingin membina sebuah rumah setingkat di satu kawasan perkampungan. Beliau ingin mengekalkan ciri-ciri tradisional dan ingin membina sebuah rumah campuran konkrit dan kayu.

- a. Cadangkan untuk En. Hael Husaini antara **tiga (3)** jenis pintu dalam pembinaan rumahnya. (3 markah)
- b. Cadangkan **satu (1)** jenis struktur lantai yang sesuai untuk rumah En. Hael Husaini dengan melakarkannya tanpa skala. Labelkan **lima (5)** lapisan penting. (7 markah)

SOALAN 3

- a. Terangkan mengenai bumbung rata. (4 markah)



Rajah 3 : Sistem kawalan kilat

- b. Berdasarkan **Rajah 3**, terangkan sistem kawalan kilat yang digunakan pada bangunan tinggi tersebut. (6 markah)

SOALAN 4

- a. Terangkan mengenai siling curam dan bagaimana pemasangan siling curam.
Lakarkan rajah.

(4 markah)

- b. Penggunaan siling gantung sangat meluas dalam pembinaan. Terangkan dengan ringkas antara **tiga (3)** fungsi siling gantung.

(6 markah)

[30 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**

